

PERBADANAN MELAKA (MCORP)

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

Kontraktor Tempatan G1 yang **berpengalaman serta berkeupayaan** dengan pendaftaran di dalam kod bidang yang berkaitan dan masih sah laku tempohnya adalah dipelawa untuk tawaran sebutharga kerja seperti berikut :-

BIL	TAJUK KERJA	TARIKH		
		SEBUTHARGA DI PEROLEHI	KOD BIDANG PENDAFTARAN/ KATEGORI	TUTUP SEBUTHARGA
i.	<p><u>MCORP/SH/12-2026</u> SEBUTHARGA BAGI KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH SISTEM PENCEGAHAN KEBAKARAN DI LOT 125, BANGUNAN ANCHOR, MELAKA HALAL HUB FASA 1A, DAERAH JASIN, MELAKA.</p> <p><u>LAWATAN TAPAK</u> (Diwajibkan)</p> <p>02 April 2026 (Khamis) JAM: 10.00 Pagi</p> <p>TEMPAT: Berkumpul di Bangunan Anchor Melaka Halal Hub Fasa 1A.</p>	<p>03 April 2026 Sehingga 08 April 2026</p> <p>Di Laman Web https://stom.melaka.gov.my/</p> <p><u>HARGA</u> <u>DOKUMEN</u> RM30.00</p>	<p>Mempunyai Sijil SPKK dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIM/CIDB)</p> <p><u>Gred</u> GI</p> <p><u>Kategori</u> ME (Mekanikal)</p> <p><u>Pengkhususan</u> M02 (Sistem Pencegahan Dan Perlindungan Kebakaran)</p>	<p>14 April 2026 (Selasa)</p> <p>Pada atau sebelum 12.00 tengahari dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di Aras 4, MCORP. (Dokumen yang lewat hantar tidak akan dipertimbangkan)</p>

2. Kerja-Kerja sebutharga ini adalah terbuka kepada kontraktor tempatan yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Bahagian Pembangunan Kontraktor & Usahawan (BPKU), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) seperti yang dinyatakan di dalam jadual di atas.

3. Lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN** dan akan dicatat oleh Pegawai Perbadanan Melaka di tapak / premis berkenaan. **HANYA PENAMA** di dalam Perakuan Pendaftaran yang berkaitan sahaja yang boleh menghadiri lawatan tapak atau taklimat sebutharga. Kontraktor / Syarikat **tidak boleh** mewakilkan pegawai selain daripada penama yang dinyatakan di dalam sijil pendaftaran berkaitan.

4. Pelaksanaan Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate – TCC) adalah diwajibkan kepada Kontraktor / Syarikat. Sijil Pematuhan adalah menjadi dokumen wajib dan perlu dikemukakan bersama tawaran sebutharga.